



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) UPACARA  
PERKAHWINAN BUKAN ISLAM DI RUMAH IBADAT DAN  
PERSATUAN AGAMA**

---

Putrajaya, 22 Jun 2020 - Prosedur Operasi Standard (SOP) Upacara Perkahwinan Bukan Islam Di Rumah Ibadat Dan Persatuan Agama telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diadakan pada 18 Jun 2020.

2. SOP ini telah disediakan secara bersama oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
  
3. Ianya merangkumi perkara-perkara penting di dalam menjalankan upacara perkahwinan penganut bukan Islam seperti **had kapasiti kehadiran di rumah ibadat dengan bilangan maksimum kehadiran seramai 20 orang, urusan pendaftaran perkahwinan dan upacara perkahwinan adat. Jamuan makan bagi meraikan majlis perkahwinan masih tidak dibenarkan diadakan di dalam rumah ibadat.**



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

4. Menurut YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, **pegawai-pegawai KPN di peringkat negeri akan bekerjasama dengan JPN dan pihak Kerajaan Negeri bagi memantau pematuhan SOP ini di rumah-rumah ibadat dan memastikan upacara perkahwinan di rumah-rumah ibadat berjalan dengan lancar dan selamat.**
5. Pemakaian SOP ini juga adalah tertakluk kepada Garis Panduan Norma Baharu yang dikeluarkan oleh MKN, peraturan Kerajaan Negeri dan tarikh yang telah dipersetujui dan diluluskan kelak.

**Kementerian Perpaduan Negara**

22 Jun 2020

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel +603 8091 8041  
Fax +603 8888 8568 / 569  
E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)  
No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (11)